

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**

**SEBUTHARGA BIL. 23/2021:**

**PROGRAM PENINGKATAN CAPAIAN  
NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND (NMMB)**

**1. OBJEKTIF**

- 1.1 Program peningkatan capaian *National Mark of Malaysian Brand (NMMB)* ini bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja pengiklanan serta capaian bagi program ini yang akan dilaksanakan melalui aktiviti di media cetak, media elektronik, media digital dan media baharu yang bersesuaian.

**2. SKOP PERKHIDMATAN**

- 2.1 Menyediakan pelan perancangan;
- 2.2 Menyediakan bahan pengiklanan dan promosi bagi Program *National Mark of Malaysian Brand (NMMB)*; dan
- 2.3 Menguruskan perhubungan media.

**3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN**

- 3.1 Kontrak pelantikan adalah bagi tempoh 4 bulan mulai Disember 2021 sehingga Mac 2022
- 3.2 Bayaran akan dibuat secara berperingkat mengikut pelaksanaan perkhidmatan berserta inbois dan dokumen berkaitan.

**4. SYARAT-SYARAT LAIN**

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian iaitu 222001 dan 222002.
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di dalam jadual pematuhan.
- 4.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa dan/atau mengenakan Liquidated & Ascertained Damages (LAD) sekiranya pembekal:
  - a. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui
  - b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja
  - c. Tidak mematuhi Jadual Penghantaran yang ditetapkan

Formula kenaan LAD adalah seperti berikut:  
$$(\text{BLR} + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
		YA	TIDAK	
1.	<b>Penyediaan pelan perancangan bagi Program National Mark of Malaysian Brand</b>			
	<p>Penyebutharga mencadangkan pelan perancangan bagi Program National Mark of Malaysian Brand yang merangkumi sekurang-kurangnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jadual penyediaan setiap bahan pengiklanan dan promosi;</li> <li>ii. Jadual perancangan capaian di platform-platform media (televisyen, radio tempatan, surat khabar, majalah, media sosial, media baharu dan platform media yang bersesuaian) bagi setiap bahan promosi; dan</li> <li>iii. Penyediaan bahan-bahan ini perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat.</li> </ul>			
2.	<b>Penyediaan bahan promosi dan publisiti Program National Mark of Malaysian Brand</b>			
	<p><b>(A) Media Cetak - Surat khabar, Majalah dan media cetak baharu yang bersesuaian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapatkan ruangan rencana khas atau bagi tujuan penerbitan artikel dan iklan (muka penuh berwarna dan separuh muka berwarna) sekurang-kurangnya di dalam enam (6) surat khabar utama dan dua (2) <i>luxury magazine</i> seperti Tatler atau yang bersesuaian;</li> <li>ii. Menyediakan konsep (idea), reka bentuk dan susun atur bagi membantu proses penyediaan artikel dan poster iklan;</li> <li>iii. Menyediakan penulis khusus (<i>dedicated writer</i>) dan <i>copywriting</i>, terjemahan, penyuntingan dan <i>proof</i></li> </ul>			

	<p><i>reading dalam proses penyediaan artikel;</i></p> <p>iv. Mencadangkan <i>angle write up</i> /artikel yang bersesuaian dan menyediakan input yang berkaitan;</p> <p>v. Penyediaan bahan-bahan di atas termasuk <i>final artwork</i>, bahan penulisan dan <i>copywriting</i> perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat; dan</p> <p>vi. Kesemua bahan-bahan ini perlu mendapatkan kelulusan SME Corp. Malaysia dan akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia</p>		
	<p><b>(B) App Teaser</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan dan mengemukakan Cadangan Pelan Komunikasi melalui <i>App Teaser</i> bagi tempoh 4 bulan;</li> <li>ii. Menyediakan artwork dan menyelaras ruangan untuk paparan <i>app teaser</i> di platform Youtube; dan</li> <li>iii. Kesemua bahan-bahan ini perlu mendapatkan kelulusan SME Corp. Malaysia dan akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia</li> </ul>		
	<p><b>(C) SMS Blast</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan dan mengemukakan Cadangan Pelan Komunikasi perkhidmatan SMS (<i>SMS Blast</i>) bagi tempoh 4 bulan;</li> <li>ii. Menyediakan draf SMS untuk dihantar kepada orang awam;</li> <li>iii. Kesemua bahan-bahan ini perlu mendapatkan kelulusan SME</li> </ul>		

	<p>Corp. Malaysia dan akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia</p> <p><b>(D) Media Elektronik - Televisyen</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapatkan sekurang-kurangnya dua (2) slot wawancara di media arus perdana seperti Astro Awani, TV3, RTM dan sebagainya dengan cadangan satu (1) slot Bahasa Malaysia dan satu (1) slot Bahasa Inggeris;</li> <li>ii. Mendapatkan sekurang-kurangnya 10 slot <i>Television Commercial- (TVC)</i> bagi video berdurasi 5 saat, 15 saat dan 30 saat;</li> <li>iii. Mendapatkan sekurang-kurangnya 25 slot rerayap;</li> <li>iv. Penyediaan bahan ini perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat;</li> <li>v. Mencadangkan <i>angle</i> wawancara yang bersesuaian dan menyediakan input yang berkaitan; dan</li> <li>vi. Kesemua bahan-bahan promosi dan publisiti ini akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia</li> </ul> <p><b>(E) Media Elektronik – Radio</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapatkan sekurang-kurangnya dua (2) slot temubual di stesen radio seperti Bernama Radio, Radio RTM, Media Prima Group, BFM dan sebagainya dengan cadangan satu (1) slot Bahasa Malaysia dan satu (1) slot Bahasa Inggeris;</li> <li>ii. Mendapatkan sekurang-kurangnya 10 slot iklan - <i>voice over (VO)</i></li> </ul>		
--	---	--	--

	<p>iii. Menyediakan sekurang-kurangnya 2 VO untuk kegunaan iklan di stesen radio dengan cadangan satu (1) dalam Bahasa Malaysia dan satu (1) dalam Bahasa Inggeris;</p> <p>iv. Penyediaan bahan ini perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat; dan</p> <p>v. Kesemua bahan-bahan promosi dan publisiti ini akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia</p>			
3.	<b>Berhubung dengan Bahagian Komunikasi Strategik dan Bahagian Kerjasama Antarabangsa, SME Corp. Malaysia</b>			
	Penyebutharga perlu berhubung dengan Bahagian Komunikasi Strategik, SME Corp. Malaysia dan Bahagian Kerjasama Antarabangsa berkenaan kesemua cadangan aktiviti capaian yang akan dilaksanakan.			

\* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 23/2021.**

.....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....